

YNS 200/003 PT.2 (3)

April 2010

Semua Ketua Jabatan Negeri,
Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan
Negeri Sembilan

Tuan,

IKLAN JAWATAN KOSONG DI PENTADBIRAN YAYASAN NEGERI SEMBILAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia, keutamaan diberi kepada Rakyat Negeri Sembilan Darul Khusus untuk memenuhi jawatan berikut:-

- 1- Jawatan : **Penolong Akauntan Gred W27**
- Klasifikasi : Perkhidmatan Kewangan
- Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- Taraf Jawatan : Tetap
- Jumlah Kekosongan : Satu (1)
- Gred/ Jadual Gaji : Gred W27
- P1T1 RM1209.09 - P1T26 RM3031.64
P2T1 RM1278.67 - P2T26 RM3217.79
P3T1 RM1351.27 - P3T26 RM3409.80
- Gaji dan Elaun Sebulan Ditawarkan : P1T1 RM1209.09
- i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM160.00
ii) Imbuhan Tetap Perumahan - RM180.00
iii) Elaun Bantuan Sara Hidup - RM200.00
- Syarat Lantikan : 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- i) Warganegara Malaysia ;
ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ;
iii) (a)diploma dalam bidang pengajian perdagangan, pengajian bank atau pengajian perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada

institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W27: P1T5); atau

(b) Licentiate of Chartered of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W27: P1T8);

Dan iv) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat secara lantikan

: 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W27, tertakluk kepada Kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(iii) di atas; atau
- ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- iii) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

Penetapan Gaji Permulaan

: Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred W27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

Tempoh Percubaan

: Penolong Akauntan Gred W27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

2- Jawatan	:	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17
Klasifikasi	:	Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Sokongan
Taraf Jawatan	:	Tetap
Jumlah Kekosongan	:	Satu (1)
Gred/ Jadual Gaji	:	Gred N17 P1T1 RM820.38 - P1T24 RM2151.35 P2T1 RM871.81 - P2T24 RM2272.50 P3T1 RM924.75 - P3T24 RM2397.95
Gaji dan Elaun Sebulan Ditawarkan	:	P1T1 RM820.38 i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM115.00 ii) Imbuhan Tetap Perumahan - RM180.00 iii) Elaun Bantuan Sara Hidup - RM200.00
Syarat Lantikan	:	1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:- i) Warganegara Malaysia ; ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; iii) (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan: (b) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan) pada Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer)
Tempoh Percubaan	:	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang YNS 01/2009 yang boleh didapati di Pejabat Yayasan Negeri Sembilan, Tingkat 11, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban pada waktu pejabat dari pukul **8.00 pagi hingga 5.00 petang** secara percuma.
2. Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabaatan masing-masing mengikut Perintah Am 21 Bab "A" - 1973 dan menyertakan bersama-sama dengan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan bertaip beserta salinan Laporan Prestasi Tahun 2008.
3. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen yang diakui sah oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan 'A' sahaja.
4. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
5. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada:-

**Pengarah
Yayasan Negeri Sembilan
Tingkat 11, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan
Jalan Yam Tuan
70000 Seremban**

6. Tarikh tutup permohonan ialah pada **6 Mei 2010**. Permohonan yang lewat diterima dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

ZAKARIA BIN OTHMAN
b.p Pengarah